

23 JUN 1999

Musa-P/Raya

MUSA HITAM SEDIA BANTU KEMPEN BN ASAL JANGAN DISALAH ANGGAAP

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam hari ini berkata, beliau sedia membantu kempen Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang asalkan tindakan beliau itu tidak disalah anggap sebagai cuba untuk kembali aktif dalam politik.

"...sememangnya setiap kali ada pilihan raya saya sekurang-kurangnya memberikan sokongan simbolik, sekurang-kurangnya dengan berjalan menunjukkan muka bersama calon," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Pentadbiran Awam Dalam Menghadapi Alaf Baru" di Universiti Malaya (UM), di sini.

"Kalau diperlukan saya akan berbuat lebih daripada itu, saya sedia tetapi syaratnya satu... jangan sekali-kali peranan saya membantu parti ditafsirkan sebagai satu petunjuk bahawa saya akan kembali aktif dalam politik," tambah Musa yang sudah lebih 10 tahun bersara daripada politik dan kini tidak memegang sebarang jawatan dalam Umno.

"Saya sangat berhati-hati dalam soal ditafsir oleh umum akan kembali aktif dalam politik," katanya.

Ketika diminta mengulas pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, beliau berkata pelantikan itu oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu sangatlah sesuai.

"Sebabnya beliau (Ku Li) ialah seorang yang berpengalaman keseluruhannya dalam politik Umno dan keduanya beliau bukan saja berpengalaman di Kelantan tetapi juga berpengaruh di negeri itu," katanya.

Perkara itu penting, katanya, kerana aspek pengaruh istana merupakan satu aspek yang perlu diambil kira dalam politik di Kelantan.

Dengan pelantikan itu Tengku Razaleigh akan dapat menyatupadukan arah perjuangan Umno di Kelantan untuk cuba merampas balik kuasa daripada kerajaan Pas, katanya.

"Dapat atau tak dapat balik (Kelantan kepada Umno), sukar untuk saya katakan, tetapi (pelantikan) ini dapat menstabilkan Umno di Kelantan kalau pun tak dapat diperbaiki kedudukannya," katanya, sambil menambah bahawa jika berjaya ia merupakan kejayaan terbesar Umno dan akan memberi implikasi kepada imej Umno di seluruh negara.

Mengenai hasrat Umno untuk mendekati penuntut universiti dan institusi pengajian tinggi, beliau berkata hasrat itu perlu diperluaskan juga kepada tenaga pengajar dan para akademik khusus untuk memberikan kefahaman dan menjelaskan pendirian Umno dalam pelbagai isu semasa.

"Perlu kita berdekatan, berhadapan dan berinteraksi dengan institusi pengajian tinggi, sama ada penuntut atau para akademiknya... begitu lama institusi ini terbiar dan di'marginalised'... tapi akhir-akhir ini pergolakan politik begitu meluas hingga pucuk pimpinan sedar keperluan ini," katanya.

Beliau berkata Umno dan BN tidak harus gentar, takut atau segan silu untuk berhadapan dengan penuntut atau tenaga pengajar dalam proses menyebarkan pengetahuan dalam isu-isu politik.

Umno dengan 2.3 juta orang anggota, tentunya dapat mengumpulkan anggota yang pandai berpidato dan menyuarakan pendirian parti, katanya.

Ketika ditanya sama ada langkah Umno itu akan menjejaskan tumpuan pelajar terhadap pelajaran, beliau berkata sebenarnya parti-parti pembangkang pun sudah lama berkeliaran di kampus-kampus.

Musa, yang juga Prof. Adjunk Universiti Malaya, berkata, "Saya pasti

apabila universiti sedar yang kerajaan tidak menghalang penuntut daripada mendidik diri mereka, saya pasti ia boleh membenarkan sedikit fleksibiliti dalam mencuba melaksanakan sikap kerajaan ini."

-- BERNAMA

MNY PR